☑ KOSMO

Tarikh: 10 MEI 2012

Hari: KHAMIS M/S: 4

Ruangan: SARAWAK

Tegas atasi salah laku – Abdul Taib

KUCHING – Tindakan tegas dan pantas perlu dilakukan terhadap sebarang kegiatan penyelewengan dan salah laku dalam perkhidmatan awam sekiranya mahu mencapai sasaran jabatan atau organisasi bertaraf lima bintang.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud (**gambar**) berkata, disebabkan itu, kerajaan amat memandang serius mengenai soal integriti, penghayatan nilai dan etika yang luhur dalam kalangan penjawat awam.

Menurutnya, dalam membentuk pengurusan yang cemerlang, terapi diri yang paling penting adalah melakukan transformasi minda dan sikap bagi meningkatkan keupayaan pengetahuan serta kreativiti diri untuk menyampaikan perkhidmatan bertaraf dunia.

"Sektor awam kini berhadapan dengan perubahan persekitaran yang dinamik khususnya dicirikan oleh kepesatan teknologi, impak krisis ekonomi dan cabaran globalisasi serta liberalisasi yang merupakan pemboleh ubah sejagat dalam melonjakkan prestasi daya saing negara.

"Ini kerana, maju mundurnya sesebuah negara bergantung kepada kualiti tenaga manusia yang dimilikinya, dalam erti kata lain kita harus berhijrah ke arah mentaliti kelas pertama yang berasaskan tiga perkara iaitu ketangkasan kerja, ketetapan dan keberhasilan," katanya pada majlis perasmian Seminar Pengurusan Cemerlang: Terapi Diri dan Aura Organisasi anjuran Jabatan Canselori Universiti Utara Malaysia di sini malam tadi.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Datuk Fatimah Abdullah.

Abdul Taib berkata, bagi mencapai kejayaan sesebuah organisasi, setiap individu perlu memainkan peranan masing-masing selain menerapkan semangat ingin terus belajar perkara baharu dalam diri.

Katanya, kelangsungan agenda sesebuah organisasi adalah bergantung kepada kepimpinan yang mengenal pasti visi transformasi dan sistem yang mampu menyumbang kepada proses pengukuhan kefahaman, komitmen dan anjakan paradigma yang diimpikan.

"Sebagai contoh, operasi organisasi perlu berada dalam persekitaran yang sentiasa mendukung kerja berpasukan, pengurusan konflik teratur dan pengurusan masa yang sistematik untuk memberi aura yang positif kepada organisasi.

"Dalam hal ini, satu budaya kerja yang lebih dinamik dan produktif iaitu seiring dengan tuntutan Petunjuk Prestasi Utama akan terbentuk melalui agenda transformasi yang terancang dan dinamik," tambah beliau.